

C 11

**ORANG KENA PENGAWASAN
MENINGGALKAN KAWASAN TEMPAT
KEDIAMAN**

TERHAD

PERINTAH TETAP: C 11/2014	M / S : 1/12
TAJUK: ORANG KENA PENGAWASAN MENINGGALKAN KAWASAN TEMPAT KEDIAMAN	TARIKH : 28 NOVEMBER 2014

1. PENDAHULUAN

- 1.1 Mana-mana orang yang diperintahkan oleh Mahkamah untuk menjalani program pemulihan di bawah pengawasan Pegawai Agensi adalah dikehendaki melaporkan diri di pejabat Agensi Antidadah Kebangsaan Daerah yang telah ditetapkan sebagaimana yang diperintahkan oleh mahkamah.
- 1.2 Orang Kena Pengawasan (OKP) hanya boleh meninggalkan kawasan dengan kebenaran bertulis oleh Ketua Pengarah Agensi Antidadah Kebangsaan.
- 1.3 Kegagalan mematuhi syarat menyebabkan seseorang itu melanggar perintah mahkamah dan boleh dijatuhkan hukuman sebagaimana yang telah ditetapkan dalam Seksyen 6(3) atas pelanggaran syarat di bawah Seksyen 6(2) Akta Penagih Dadah (Rawatan & Pemulihan) 1983.

2. TUJUAN

- 2.1 Menetapkan garis panduan yang perlu dipatuhi oleh Pegawai Agensi terhadap permohonan meninggalkan kawasan tempat kediaman oleh OKP secara tetap atau sementara.

3. SKOP

- 3.1 Keluar kawasan secara kekal
- 3.2 Keluar kawasan secara sementara
- 3.3 Surat Kebenaran Khas Keluar Kawasan

TERHAD

PERINTAH TETAP: C 11/2014	M / S : 2/12
TAJUK: ORANG KENA PENGAWASAN MENINGGALKAN KAWASAN TEMPAT KEDIAMAN	TARIKH : 28 NOVEMBER 2014

4. TERMINOLOGI

4.1 Keluar Kawasan Secara Kekal

OKP yang memohon untuk menetap dan menjalani pengawasan di tempat lain selain daripada tempat yang diperintahkan oleh Mahkamah sehingga tamat tempoh pengawasan.

4.2 Keluar Kawasan Secara Sementara

OKP yang memohon untuk menjalani pengawasan di tempat lain selain daripada tempat yang diperintahkan oleh Mahkamah kepadanya untuk tempoh kurang daripada 14 hari perlu mengisi borang.

4.3. Surat Kebenaran Khas Keluar Kawasan

OKP yang memohon untuk keluar kawasan ke tempat lain, selain daripada tempat yang diperintahkan oleh Mahkamah kepadanya untuk melaksanakan urusan penting bagi satu (1) tempoh yang munasabah.

OKP masih mengikuti program rawatan dan pemulihan di daerah asal.

5. TUJUAN KES PENGAWASAN MENINGGALKAN KAWASAN TEMPAT KEDIAMAN

5.1 Tujuan permohonan dibuat oleh mana-mana orang yang sedang menjalani pengawasan di sesuatu tempat untuk keluar kawasan dengan

TERHAD

PERINTAH TETAP: C 11/2014	M / S : 3/12
TAJUK: ORANG KENA PENGAWASAN MENINGGALKAN KAWASAN TEMPAT KEDIAMAN	TARIKH : 28 NOVEMBER 2014

alasan-alasan:

- 5.1.1 Menjalani Rawatan dan Pemulihan di tempat lain; atau
- 5.1.2 Tinggal dengan keluarga; atau
- 5.1.3 Bekerja, mendapat kerja di tempat lain, pindah kerja; atau
- 5.1.4 Menyambung pelajaran, kursus; atau
- 5.1.5 Bermastautin tetap; atau
- 5.1.6 Pindah rumah; dan
- 5.1.7 Alasan lain yang munasabah.

6. PROSEDUR PELAKSANAAN ORANG KENA PENGAWASAN MENINGGALKAN KAWASAN TEMPAT KEDIAMAN

A. SECARA KEKAL

1. Seseorang OKP di bawah Pengawasan Pegawai Agensi hanya boleh meninggalkan kawasan tempat tinggalnya dengan kelulusan Ketua Pengarah Agensi Antidadah Kebangsaan.

- 1.1 Dokumen-dokumen yang perlu dilengkapkan dan dilampirkan adalah seperti berikut:

- 1.1.1 Surat Permohonan OKP.
- 1.1.2 Borang Permohonan Keluar Kawasan.
- 1.1.3 Surat sokongan keluarga/waris dan majikan.
- 1.1.4 Borang Pengesahan keluarga/waris.
- 1.1.5 Laporan Siasatan Pegawai Pemulihan.

TERHAD

PERINTAH TETAP: C 11/2014	M / S : 4/12
TAJUK: ORANG KENA PENGAWASAN MENINGGALKAN KAWASAN TEMPAT KEDIAMAN	TARIKH : 28 NOVEMBER 2014

- 1.1.6 Perintah Mahkamah.
- 1.1.7 Salinan Kad Pengenalan.
- 1.1.8 Kebenaran Untuk Meninggalkan Tempat Kediaman (wajib bertaip) - Borang 5.
- 1.1.9 Borang Penyingkatan Tempoh Kediaman di Pusat Pemulihan bagi klien yang dibebaskan dari Pusat Pemulihan– Borang 15/ Borang 16 [untuk Seksyen 6(1)(a)/Seksyen 8(3)(a)] .

2. Borang permohonan yang telah lengkap hendaklah dikemukakan kepada Ketua Pegawai Agensi Antidadah Kebangsaan Daerah untuk semakan dan dipanjangkan kepada Ketua Pengarah melalui Pengarah Agensi Antidadah Kebangsaan Negeri untuk kelulusan atau mana-mana pegawai yang telah diturunkan kuasa oleh Ketua Pengarah dalam tempoh 14 hari sebelum meninggalkan kawasan.

3. Pegawai Agensi hendaklah memaklumkan perkara-perkara berikut kepada OKP:

3.1 Melaporkan diri di Pejabat Agensi Antidadah Kebangsaan Daerah yang berkenaan pada tarikh yang telah ditetapkan.

3.2 Tidak dibenarkan sama sekali tinggal di daerah lain tanpa kelulusan dan kebenaran.

TERHAD

PERINTAH TETAP: C 11/2014	M / S : 5/12
TAJUK: ORANG KENA PENGAWASAN MENINGGALKAN KAWASAN TEMPAT KEDIAMAN	TARIKH : 28 NOVEMBER 2014

3.3 Dikehendaki mengikuti semua program pemulihan yang dianjurkan oleh daerah tersebut.

3.4 Menegaskan bahawa hukuman akan dikenakan sekiranya gagal mematuhi peraturan yang telah ditetapkan.

4. Pegawai Agensi perlu memaklumkan kepada pihak pemohon berkenaan keputusan permohonannya melalui surat serta memaklumkan kepada Pegawai Agensi Daerah yang berkenaan, **Balai Polis berkaitan dan Balai Polis semasa** mengenai perpindahan OKP dengan melampirkan Borang 5 seperti berikut:

- 4.1 Borang 5 Asal (warna putih) - Pemohon
- 4.2 Borang 5 Pengdua (warna biru) - Balai Polis (baru)
- 4.3 Borang 5 Pengtiga (warna merah) - Balai Polis (lama)
- 4.4 Borang 5 Pengempat (warna kuning) - AADK Daerah baru
- 4.5 Satu (1) salinan Borang 5 yang disahkan - Ibu Pejabat
- 4.6 Satu (1) salinan Borang 5 yang disahkan - AADK Daerah asal

5. Sesalinan kelulusan dimasukkan dalam fail OKP.
6. Fail dan keputusan yang diperolehi hendaklah dimaklum dan dihantar kepada pejabat Agensi Antidadah Kebangsaan Daerah berkenaan.
7. Pegawai Agensi hendaklah merekodkan semua pergerakan dan keputusan yang diperolehi di dalam Buku Rekod Keluar Kawasan OKP.

TERHAD

PERINTAH TETAP: C 11/2014	M / S : 6/12
TAJUK: ORANG KENA PENGAWASAN MENINGGALKAN KAWASAN TEMPAT KEDIAMAN	TARIKH : 28 NOVEMBER 2014

8. Permohonan dengan dokumen yang lengkap hendaklah diproses oleh Ibu Pejabat dan memaklumkan keputusan dalam tempoh 14 hari dari tarikh surat diterima.

B. SECARA SEMENTARA

1. Untuk mendapatkan kebenaran tersebut, perkara-perkara yang perlu dipatuhi adalah seperti berikut:
 - 1.1 Mengemukakan permohonan dengan mengisi Borang Keluar Kawasan Sementara kepada pihak Agensi Antidadah Kebangsaan Daerah dalam tempoh 14 hari sebelum meninggalkan kawasan.
 - 1.2 Dokumen-dokumen yang perlu dilengkapkan dan dilampirkan adalah seperti berikut:
 - 1.2.1 Surat Permohonan OKP.
 - 1.2.2 Borang Permohonan Keluar Kawasan.
 - 1.2.3 Surat sokongan keluarga/waris dan majikan.
 - 1.2.4 Borang Pengesahan keluarga/ waris.
 - 1.2.5 Laporan Siasatan Pegawai Pemulihan.
 - 1.2.6 Perintah Mahkamah.
 - 1.2.7 Salinan Kad Pengenalan.
 - 1.2.8 Kebenaran Untuk Meninggalkan Tempat Kediaman (wajib bertaip) - Borang 5.

TERHAD

PERINTAH TETAP: C 11/2014	M / S : 7/12
TAJUK: ORANG KENA PENGAWASAN MENINGGALKAN KAWASAN TEMPAT KEDIAMAN	TARIKH : 28 NOVEMBER 2014

1.2.9 Penyingkatan Tempoh Kediaman di Pusat Pemulihan – Borang 15/ Borang 16 [untuk Seksyen 6(1)(a)/ Seksyen 8(3)(a)].

2. Laporan Pegawai Agensi diperlukan sebagai sokongan bahawa OKP telah menjalani program pemulihannya dengan baik.
3. Borang permohonan yang telah lengkap hendaklah dikemukakan kepada Ketua Pegawai Agensi Antidadah Kebangsaan Daerah untuk semakan.
4. Permohonan hendaklah diproses dengan membuat semakan di pejabat Agensi Antidadah Kebangsaan Daerah yang menerima OKP tersebut dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh terima surat permohonan tersebut.
5. Satu salinan permohonan tersebut diserahkan kepada Agensi Antidadah Kebangsaan Negeri.
6. Kelulusan keluar secara sementara hanya dibenarkan tidak lebih daripada 14 hari daripada tarikh surat dikeluarkan dengan kelulusan Ketua Pengarah.
7. Pegawai Agensi perlu memaklumkan keputusan secara bertulis kepada pemohon serta memaklumkan kepada **Balai Polis semasa** mengenai OKP meninggalkan kawasan tempat kediaman secara sementara dengan melampirkan Borang 5.

TERHAD

PERINTAH TETAP: C 11/2014	M / S : 8/12
TAJUK: ORANG KENA PENGAWASAN MENINGGALKAN KAWASAN TEMPAT KEDIAMAN	TARIKH : 28 NOVEMBER 2014

8. Pegawai Agensi perlu menerangkan berkenaan dengan syarat-syarat yang perlu dipatuhi ketika keluar kawasan dan tindakan yang akan diambil sekiranya gagal mematuhi.

9. Pegawai Agensi hendaklah merekodkan semua pergerakan dan keputusan yang diperolehi di dalam Buku Rekod Keluar Kawasan OKP.

10. Setelah tamat tempoh keluar kawasan tersebut, OKP perlu melaporkan diri di Daerah asal dengan serta merta.

C. SURAT KEBENARAN KHAS

1. Seseorang OKP di bawah Pengawasan Pegawai Agensi hanya boleh meninggalkan kawasan tempat tinggalnya dengan kelulusan Ketua Pengarah Agensi Antidadah Kebangsaan.

1.1 Dokumen-dokumen yang perlu dilengkapkan dan dilampir adalah seperti berikut:

- 1.1.1 Surat Permohonan OKP.
- 1.1.2 Borang Permohonan Keluar Kawasan.
- 1.1.3 Surat sokongan keluarga/waris dan majikan.
- 1.1.4 Borang Pengesahan keluarga/waris.
- 1.1.5 Laporan Siasatan Pegawai Pemulihan.
- 1.1.6 Perintah Mahkamah.

TERHAD

PERINTAH TETAP: C 11/2014	M / S : 9/12
TAJUK: ORANG KENA PENGAWASAN MENINGGALKAN KAWASAN TEMPAT KEDIAMAN	TARIKH : 28 NOVEMBER 2014

1.1.7 Salinan Kad Pengenalan.

1.1.8 Penyingkatan Tempoh Kediaman di Pusat Pemulihan – Borang 15 / Borang 16 [untuk Seksyen 6(1)(a)/Seksyen 8(3)(a)].

1.1.9 Dokumen-dokumen bagi urusan luar negara seperti salinan pasport, salinan visa, salinan surat tawaran kerja dan lain-lain dokumen berkaitan.

2. Borang permohonan yang telah lengkap hendaklah dikemukakan kepada Ketua Pegawai Agensi Antidadah Kebangsaan Daerah untuk semakan dan dipanjangkan kepada Ketua Pengarah melalui Pengarah Agensi Antidadah Kebangsaan Negeri untuk kelulusan atau mana-mana pegawai yang telah diturunkan kuasa oleh Ketua Pengarah dalam tempoh 30 hari sebelum meninggalkan kawasan.

3. Pegawai Agensi hendaklah memaklumkan perkara-perkara berikut kepada OKP:

3.1 Melaporkan diri di Pejabat Agensi Antidadah Kebangsaan Daerah asal pada tarikh yang telah ditetapkan.

3.2 Tidak dibenarkan sama sekali tinggal di daerah lain tanpa kelulusan dan kebenaran.

3.2 Dikehendaki mengikuti semua program pemulihan yang telah ditetapkan.

TERHAD

PERINTAH TETAP: C 11/2014	M / S : 10/12
TAJUK: ORANG KENA PENGAWASAN MENINGGALKAN KAWASAN TEMPAT KEDIAMAN	TARIKH : 28 NOVEMBER 2014

3.3 Menegaskan bahawa hukuman akan dikenakan sekiranya gagal mematuhi peraturan yang telah ditetapkan.

4. Pegawai Agensi perlu memaklumkan kepada pihak pemohon berkenaan keputusan permohonannya melalui surat serta memaklumkan kepada **Balai Polis semasa** mengenai OKP keluar kawasan dengan melampirkan Surat Kebenaran Khas.
5. Sesalinan kelulusan dimasukkan dalam fail OKP.
6. Pegawai Agensi hendaklah merekodkan semua pergerakan dan keputusan yang diperolehi di dalam Buku Rekod Keluar Kawasan OKP.
7. Permohonan dengan dokumen yang lengkap hendaklah diproses oleh Ibu Pejabat dan memaklumkan keputusan dalam tempoh 14 hari dari tarikh surat diterima.

7. TANGGUNGJAWAB

- 7.1 Ketua Pengarah Agensi Antidadah Kebangsaan
- 7.2 Pengarah Agensi Antidadah Kebangsaan Negeri
- 7.3 Ketua Pegawai Agensi Antidadah Kebangsaan Daerah
- 7.4 Pegawai Agensi

TERHAD

PERINTAH TETAP: C 11/2014	M / S : 11/12
TAJUK: ORANG KENA PENGAWASAN MENINGGALKAN KAWASAN TEMPAT KEDIAMAN	TARIKH : 28 NOVEMBER 2014

8. KUASA PERUNDANGAN

- 8.1 Akta Agensi Antidadah Kebangsaan 2004
- 8.2 Akta Penagih Dadah (Rawatan & Pemulihan) 1983
- 8.2 Perintah Tetap Ketua Pengarah 2014

9. LAMPIRAN


- 9.1 Borang Keluar Kawasan Kekal / Sementara (**C11 / BR / 01**).
- 9.2 Borang 5, Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983 [Perenggan 6(2)(b)] / (**C11 / BR / 02**).
- 9.3 Buku Rekod Keluar Kawasan OKP (**C11 / BK / 01**).
- 9.4 Kelulusan Kebenaran Untuk Meninggalkan Kawasan Tempat Kediaman (**C11/ BR / 03**).
- 9.5. Borang Pengesahan keluarga/ waris (**C11/BR/04**).
- 9.6. Laporan Siasatan Permohonan Kes Meninggalkan Kawasan Tempat Kediaman (**C11/BR/05**).

TERHAD

PERINTAH TETAP: C 11/2014	M / S : 12/12
TAJUK: ORANG KENA PENGAWASAN MENINGGALKAN KAWASAN TEMPAT KEDIAMAN	TARIKH : 28 NOVEMBER 2014

10. PENGUATKUASAAN

Perintah Tetap ini berkuatkuasa serta-merta.



(DATO' SUHAIMI BIN ABDULLAH)
KETUA PENGARAH
AGENSI ANTIDADAH KEBANGSAAN
KEMENTERIAN DALAM NEGERI

Tarikh : 28 NOVEMBER 2014



AGENSI ANTIDADAH KEBANGSAAN
KEMENTERIAN DALAM NEGERI

AADK DAERAH : _____

BORANG KELUAR KAWASAN KEKAL / SEMENTARA

NAMA : _____
 NO. K/P : _____
 ALAMAT : _____

Saya telah diperintahkan menjalani Perintah Pengawasan di bawah Seksyen 6(1)(b) Akta Penagih Dadah (Rawatan & Pemulihan) 1983 (Pindaan 1998) dari _____ hingga _____ . Kini saya menjalani Pengawasan di bawah seliaan Pegawai Pemulihan _____ di Daerah dan melapor diri di Balai Polis/Pejabat AADK _____ .

2. Sepanjang tempoh seliaan tersebut, saya telah hadir / gagal untuk menjalani sesi kaunseling sebanyak _____ dan menjalani ujian urin sebanyak _____ .

3. Saya memohon kepada pihak tuan untuk meninggalkan kawasan tempat tinggal saya di daerah _____ untuk ke daerah _____ dari _____ hingga _____ atas tujuan _____ .

Ketika saya berada di luar kawasan tempat tinggal, saya boleh dihubungi melalui alamat _____ no. telefon _____ .

Sekian, terima kasih.

Yang Benar,

(_____)

<p>Untuk Kegunaan Pejabat</p> <p>Perakuan Pegawai Pemulihan</p> <p>Saya mengesahkan kenyataan di atas adalah benar/ tidak benar. Sehubungan dengan itu saya menyokong / tidak menyokong permohonan penama di atas.</p> <p>Tandatangan : _____ Nama & Cop : _____ Tarikh : _____</p> <p>*Potong mana yang berkenaan</p>	<p>Permohonan Diluluskan / Tidak diluluskan</p> <p>_____</p> <p>_____</p> <p>_____</p> <p>Tandatangan : _____ Nama & Cop : _____ Tarikh : _____</p>
--	---

Salinan Ketiga

ADK/5 : 026050

BORANG 5

AKTA PENAGIH DADAH (RAWATAN DAN PEMULIHAN) 1983
(Perenggan 6(2)(b))

KEBENARAN UNTUK MENINGGALKAN KAWASAN TEMPAT KEDIAMAN

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 6(2)(b) Akta, saya dengan ini membenarkan
 Kad Pengenalan
 No./Sijil Kelahiran No. berumur tahun untuk meninggalkan kawasan
 tempat kediamannya di untuk ke kawasan
 selama tempoh * hari mulai
 dari hingga tertakluk kepada syarat-syarat yang berikut :

- (a) dia hendaklah melaporkan diri di Balai Polis ;
- (b) dia hendaklah memberitahu pegawai penjaga balai polis di
alamat tempat kediamannya;
- (c) dia tidak boleh menukar tempat kediamannya tanpa kebenaran bertulis pegawai penjaga balai
itu; dan
- (d) dia hendaklah terus mematuhi segala syarat yang dikenakan di bawah subseksyen 6(2) Akta.

Bertarikh

.....
Ketua Pengarah

s.k :
 Pegawai Penjaga Balai Polis
 (sebagaimana perenggan (a) dan (b) di atas).

* Nyatakan tempoh.



AGENCI ANTIDADAH KEBANGSAAN
KEMENTERIAN DALAM NEGERI

BUKU REKOD KELUAR KAWASAN KLIEN PENGAWASAN

Bil. Tarikh	No. Fail	Nama, No. K/P, Alamat & No. Tel	Seksyen	Nama Waris, Alamat & No. Tel.	Daerah		Tempoh		Tujuan	Nama, Alamat, No. Tel.	Catatan
					Asal	Baru	Dari	Hingga			

Catatan : Daerah Asal : Daerah klien sedang mengikuti rawatan dan pemulihan
 Daerah Baru : Daerah klien memohon untuk berpindah
 Tempoh Dari : Tarikh klien keluar kawasan
 Tempoh Hingga : Tarikh klien kembali ke daerah asal
 (sekiranya berpindah kekal, tarikh adalah sehingga tamat tarikh Perintah Mahkamah)



AGENSI ANTIDADAH KEBANGSAAN MALAYSIA
NATIONAL ANTI-DRUGS AGENCY
KEMENTERIAN DALAM NEGERI
MINISTRY OF HOME AFFAIRS



Tel : _____
Fax : _____
Web : <http://www.adk.gov.my>

Ruj. Kami :
Tarikh :

.....
.....
Tuan/Puan,

KELULUSAN KEBENARAN UNTUK MENINGGALKAN KAWASAN TEMPAT KEDIAMAN BAGI KLIEN

NAMA :
NO.K/P :

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada surat tuan/puan bil. bertarih adalah berkaitan.

2. Adalah dimaklumkan, bahawa penama seperti nama di atas telah diberi kebenaran meninggalkan kawasan kediamannya di bagi tujuan* selama tempoh hari mulai dari hingga tertakluk kepada syarat-syarat di bawah Seksyen 6(2) Akta Penagih Dadah (Rawatan Dan Pemulihan) 1983.

3. Bersama-sama ini, dikembalikan surat dan dokumen yang berkenaan untuk tindakan tuan/puan selanjutnya. Tuan/Puan juga dikehendaki mengemukakan satu (1) salinan kepada :-

3.1. Ketua Balai Polis tempat pengawasan.

4. Kerjasama dan perhatian tuan/puan amat dihargai dan di dahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“KHIDMAT TANPA RASUAH”

Saya yang menurut perintah,

.....)
(
Ketua Pengarah
Agensi Antidadah Kebangsaan
Kementerian Dalam Negeri.

s.k. Fail Timbul

BORANG PENGESAHAN WARIS

**ORANG KENA PENGAWASAN (OKP)
MENINGGALKAN KAWASAN TEMPAT KEDIAMAN (TETAP)**

1 MAKLUMAT ORANG KENA PENGAWASAN (OKP)

- 1.1 Nama
- 1.2 No.KP
- 1.3 Umur
- 1.4 Alamat
- 1.5 No.Tel

2 MAKLUMAT WARIS

- 2.1 Nama
- 2.2 Alamat
- 2.3 No.Tel
- 2.4 PengesahanWaris

TandatanganWaris

TandatanganPegawai AADK

Tarikh:

Tarikh:

**LAPORAN SIASATAN PERMOHONAN KES MENINGGALKAN KAWASAN
TEMPAT KEDIAMAN**

**Akta Penagih Dadah (Rawatan Dan Pemulihan) 1983
Perenggan 6(2)(b)**

No.Fail :

1 Latarbelakang Orang Kena Pengawasan (OKP)

- 1.1 Nama
- 1.2 No. K/P
- 1.3 Umur
- 1.4 Tarikh Perintah/ Seksyen
- 1.5 Tarikh Bebas Pusat Pemulihan/ Penjara
- 1.6 Tarikh Pengawasan

2 Maklumat Tempat Pengawasan Semasa

- 2.1 Alamat
- 2.2 Balai Polis
- 2.3 AADK

3 Maklumat Tempat Pengawasan Baru

- 3.1 Alamat
- 3.2 Balai Polis
- 3.3 AADK

4 Tempoh Keluar Kawasan

5 Sebab-sebab Permohonan

**6 Sokongan Ibumama/ Penerimaan Pihak Di Alamat Baru Oleh Pihak Pusat Swasta/ Institusi
Pengajian/ Dan Lain-lain**

7 Sokong / Tidak Sokong

Ulasan Pegawai Pemulihan:

.....

()

Pegawai Pemulihan

Tarikh

8 Sokong/ Tidak Sokong

Ulasan Ketua Pegawai:

.....

()

Ketua Pegawai

Tarikh